

## **A) SOALAN LAZIM BERKAITAN BIDANG AMALAN YANG DIKTIRAF**

### **1. Apakah bidang amalan yang diiktiraf?**

Berdasarkan Perintah PT&K (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017 yang diwartakan pada 28 Julai 2017 dan dikuatkuasakan bermula 1 Ogos 2017, bidang amalan yang diiktiraf adalah Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Homeopati, Kiropratik, Osteopati dan Amalan Pengubatan Islam.

### **2. Bolehkah saya mengamal bidang amalan di luar bidang amalan yang diiktiraf?**

Menurut seksyen 21 Akta PT&K 2016 [*Akta 775*], pengamal boleh mengamal bidang amalan yang diiktiraf sahaja. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan akta akan dijalankan secara berfasa. Sehingga akta dikuatkuasakan sepenuhnya, pengamal PT&K yang mengamal bidang amalan selain daripada bidang amalan yang diiktiraf, masih boleh mengamal bidang amalan tersebut secara bertanggungjawab dan beretika serta memastikan keselamatan pesakit sentiasa terjamin. Di samping itu, ada kemungkinan bidang amalan lain akan diiktiraf pada masa hadapan.

### **3. Kenapa Akta PT&K 2016 masih belum dilaksanakan sepenuhnya?**

Penguatkuasaan Akta PT&K 2016 dilaksanakan secara berfasa. Pada fasa pertama, seksyen yang dikuatkuasakan melibatkan penubuhan Majlis PT&K bagi mengadakan peruntukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan mengenalpasti bidang amalan yang diiktiraf serta mengenalpasti badan pengamal yang ditetapkan serta kuasa Menteri untuk membuat peraturan. Fasa kedua pula, melibatkan penetapan tarikh untuk penguatkuasaan seksyen yang melibatkan pendaftaran pengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf. Manakala fasa terakhir pula ialah penguatkuasaan penuh akta tersebut.

### **4. Saya pernah berdaftar dengan salah satu badan pengamal yang diiktiraf oleh KKM, perlukah saya berdaftar juga dengan Majlis PT&K?**

Pendaftaran dengan Majlis PT&K adalah **diwajibkan** untuk semua pengamal PT&K yang ingin mengamal di dalam bidang amalan yang diiktiraf, walaupun pernah berdaftar dengan mana-mana badan pengamal sebelum ini. Sehingga kini, seksyen Akta PT&K 2016 yang melibatkan pendaftaran pengamal masih belum dikuatkuasakan lagi. Pendaftaran hanya akan dimulakan pada tarikh yang akan ditetapkan oleh YB Menteri Kesihatan. Apabila proses pendaftaran

dimulakan, tatacara yang berkaitan akan dimaklumkan oleh pihak Majlis PT&K.

**5. Apakah di antara amalan yang tergolong di bawah bidang amalan tradisional (Melayu, Cina dan India) yang diiktiraf?**

Di antara amalan yang tergolong di bawah perubatan tradisional Melayu adalah seperti herba Melayu,urut Melayu dan penjagaan postnatal.

Di antara amalan yang tergolong di bawah perubatan tradisional Cina adalah seperti herba Cina, akupunktur & moksibusi dan tuina.

Perubatan tradisional India merangkumi Ayurveda, Sidhha dan Unani

**6. Bagaimanakah cara untuk menjadikan bidang amalan yang saya amalkan sekarang terpilih menjadi satu bidang amalan yang diiktiraf pada masa hadapan?**

Dalam penguatkuasaan akta secara berfasa, pencerahan berkenaan proses pengiktirafan bidang amalan selain daripada bidang amalan diiktiraf akan dikeluarkan oleh Majlis PT&K pada suatu masa kelak.